

## KERANGKA KONSEPTUAL GELAGAT FILANTROPI MUSLIM (CONCEPTUAL FRAMEWORK OF MUSLIM PHILANTHROPY BEHAVIOR)

**Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz<sup>a</sup>, Rawi Nordin<sup>b</sup>, S. Salahudin Suyurno<sup>c</sup>, Mohd Zaid Mustafar<sup>d</sup>, Muhammad Taufik Md Sharipp<sup>e</sup>, Muaz Mohd Noor<sup>f</sup>**

<sup>a</sup> Pensyarah, ACIS, UiTM Cawangan Melaka, [nizam\\_aziz@uitm.edu.my](mailto:nizam_aziz@uitm.edu.my)

<sup>b</sup> Profesor Madya, ACIS, UiTM Cawangan Melaka, [rawi@uitm.edu.my](mailto:rawi@uitm.edu.my)

<sup>c</sup> Profesor Madya Dr., ACIS, UiTM Cawangan Melaka, [ssalahud@uitm.edu.my](mailto:ssalahud@uitm.edu.my)

<sup>d</sup> Pensyarah Kanan, ACIS, UiTM Cawangan Melaka, [zaidmustafar@uitm.edu.my](mailto:zaidmustafar@uitm.edu.my)

<sup>e</sup> Pensyarah, ACIS, UiTM Cawangan Melaka, [taufiksharipp@uitm.edu.my](mailto:taufiksharipp@uitm.edu.my)

<sup>f</sup> Pensyarah, ACIS, UiTM Cawangan Melaka, [muaz3108@uitm.edu.my](mailto:muaz3108@uitm.edu.my)

\*Corresponding Author

Article info	Abstrak
<p>Received: 01/06/2020 Received in revised form: 30/11/2020 Accepted: 02/12/2020 Available online: 04/12/2020</p> <hr/> <p>Keywords: <i>Filantropi;</i> <i>Gelagat Muslim;</i> <i>Gelagat Filantropi;</i></p>	<p><i>Filantropi Islam bukanlah satu perkara baru dalam kefahaman ilmu Islam dan berjalan serentak dengan amalan umat Islam bagi maksud kesejahteraan ummat. Justeru Islam menekankan kepentingan amalan filantropi ini melalui instrumen zakat, sedekah dan wakaf. Keadaan ini akan lebih signifikan apabila ia dikaitkan dengan isu kemiskinan yang sentiasa menjadi topik perbincangan kalangan sarjana dan pengubal dasar. Persoalannya sejauhmana amalan filantropi ini diaplikasikan oleh umat Islam? Sehubungan dengan itu, penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi gelagat filantropi dalam kalangan masyarakat Islam. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan perpustakaan dengan merujuk kepada data-data sekunder yang diperolehi daripada kajian-kajian terdahulu, jurnal serta laporan-laporan oleh institusi Islam. Data-data diperolehi dianalisis secara contents analysis (analisa kandungan). Hasil kajian mendapati terdapat faktor luaran dan dalaman yang menjadi pendorong umat Islam melakukan amalan filantropi. Kajian ini diharap dapat memberi pendedahan kepada majlis agama islam negeri untuk mencari kaedah yang sesuai bagi menarik minat orang islam untuk melakukan filantropi.</i></p> <p style="text-align: center;"><b>Abstract</b></p> <p><i>Islamic philanthropy is not a new thing in the understanding of Islamic knowledge and goes simultaneously with the practice of Muslims for the purpose of the welfare of the ummah. Thus, Islam emphasizes the importance of this philanthropic practice through the instruments of zakat, alms and waqf. This situation will be more significant when it is associated with the issue of poverty which has always been a topic for discussion among scholars and policy makers. The question is: to what extent is this practice of philanthropy applied by Muslims? Hence, this writing aims to identify the external and internal factors that influence</i></p>

	<p><i>philanthropic behavior among the Muslim community. This qualitative study uses the library approach with reference to secondary data obtained from previous studies, journals and reports by Islamic institutions about Islamic philanthropy. The data obtained were analyzed by contents analysis. The results of the study found that there are external and internal factors that motivate Muslims to practice philanthropy. This study is expected to provide insight for the state Islamic religious council to find a suitable method to attract Muslims to make philanthropy.</i></p>
--	--

## PENGENALAN

Pada masa kini, kadar kemiskinan kian meningkat saban hari seiring dengan kos sara hidup serta jumlah penerima zakat turut meningkat. Walaupun jumlah kutipan zakat bertambah setiap tahun, namun jumlah kutipan zakat masih lagi tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup bagi setiap asnaf ataupun golongan yang memerlukan. Hal ini menyebabkan sesetengah pihak merasakan bahawa agihan zakat tidak dilaksanakan secara sistematik selain daripada masyarakat rasa terbeban dengan harga barang yang semakin mahal (Wahid, Ahmad dan Kader, 2009). Justeru pendekatan filantropi perlu dilaksanakan kerana ia dapat membantu meringankan beban hidup disamping dapat meningkatkan taraf kehidupan masyarakat. Filantropi yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah sifat kedermawanan samada berbentuk jasmani (material) atau rohani (spiritual). Ia memainkan peranan yang sangat penting dalam ekonomi umat Islam sebagai salah satu instrumen bagi membantu golongan yang memerlukan atau memberi manfaat kepada masyarakat selain keluarga sendiri. Kepentingan amalan filantropi ini merupakan satu proses pendidikan yang dapat melahirkan generasi yang menghayati nilai kebersamaan melalui amalan tolong menolong, kebajikan dan kesukarelawanan.

Menurut Ahmad Ridwan, Zaharah dan Abdul Muhsin (2018), masyarakat yang bersikap dermawan dan cenderung membuat kebajikan sangat diperlukan bagi membantu golongan yang memerlukan. Terutamanya pada zaman kini pembiayaan kerajaan sangat terhad. Justeru itu, pemahaman tingkah laku penderma perlu difahami dalam usaha kebajikan kewangan (Ling, 2012). Walau bagaimanapun, kajian tingkah laku penderma dan niat khusus untuk menderma tidak diteroka secara meluas (Knowles, Hyde, & White, 2012). Memahami gelagat filantropi adalah bertujuan untuk membangunkan aspek penghayatan ibadah dan upaya pendidikan yang berkesan. Justeru, kajian ini mengkhusus kepada gelagat filantropi dalam kalangan masyarakat Islam. Pembentukan kerangka konseptual gelagat filantropi dapat dilihat berdasarkan faktor yang perlu diberi penekanan terhadap dorongan sifat kedermawanan dalam masyarakat Islam.

## KAJIAN LITERATUR

Amalan filantropi telah bermula seawal sebelum kedatangan Islam lagi, bermula dengan pembinaan masjid al-Haram di Mekah dan al-Aqsa di Palestin (Osman, 2002). Kemudian, pembinaan masjid Quba' dan masjid Nabawi di Madinah menjadi bukti bahawa Rasulullah SAW merupakan hamba Allah SWT yang pertama melakukan filantropi dalam sejarah Islam iaitu pada tahun ke-3 Hijrah selepas perang Uhud. Masjid yang telah didirikan melalui sedekah jariah wakaf ini dijadikan sebagai tempat mesyuarat, mahkamah, pejabat pentadbiran negara dan ketenteraan yang paling penting. Di masjid ini juga umat Islam dihimpunkan untuk menerima ajaran Islam yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Pembinaan kedua-dua masjid melalui wakaf mampu menjadi sebuah pusat pentadbiran masyarakat yang berkesan (Nor Aishah, I., Azila, A.R., & Fidlizan, M., 2015).

Filantropi merupakan amalan yang semakin mendapat perhatian dalam pelaksanaan ekonomi Islam masa kini. Ini disebabkan ajaran Islam yang menekankan supaya penganutnya melaksanakan kebaikan dengan amalan filantropi mampu memenuhi keperluan umat Islam itu sendiri, di samping mendapat keredhaan Allah SWT. Firman Allah SWT:

---

Maksudnya: *“Kamu sekali-kali tidak akan mencapai kebajikan dan kebaktian yang sebenarnya sehingga kamu belanjakan sebahagian dari harta yang paling kamu sayangi dan apa sahaja yang kamu belanjakan dari sesuatu, maka sesungguhnya Allah maha mengetahui”*

(Surah Ali-Imran, 3:92)

Menurut Mas'udi (2004), Al-Quran telah menyediakan penyelesaian untuk mengatasi masalah kemiskinan dan ketidaksamaan pengagihan pendapatan dengan memasukkan kegiatan zakat sebagai salah satu tiang Islam. Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan zakat dalam kehidupan seorang muslim. Dari sudut pandangan syariah Islam, tujuan zakat adalah membersihkan kekayaan dan jiwa seseorang. Perbelanjaan zakat adalah untuk membersihkan harta kita, kerana sebahagian daripada aset adalah hak orang miskin. Oleh itu, untuk mengatasi kemiskinan, Islam tegas menuntut secara langsung kewajipan berzakat sebagai satu tuntutan agama mengikut kategori yang ditentukan oleh syariat Islam. Dari sudut pandangan ekonomi, zakat adalah salah satu pembolehubah utama dalam sistem ekonomi Islam selain penghapusan aktiviti ribawi. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 275-281, terdapat tiga sektor penting dalam ekonomi menurut al-Quran iaitu sektor perniagaan dan perdagangan, kewangan (larangan riba), dan zakat, infaq dan sedekah. (Amanta MV, Rindayati W, Arsyianti LD, 2014).

Filantropi merupakan sifat kedermawanan yang dihasilkan melalui zakat sedekah dan wakaf. Maksud Firman Allah SWT:

*“Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak)”*.

(Surah al-Baqarah 2: 280)

Allah SWT telah menjelaskan 8 asnaf penerima zakat sebagai berikut:

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”*.

(Surah al-Taubah, 9:60)

## **METODOLOGI**

Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan perpustakaan di mana data diperolehi dengan merujuk kepada kertas kerja seminar, jurnal dan artikel-artikel yang berkaitan kata kunci filantropi. Hasil carian mendapati sebanyak 32 artikel yang dianalisis mengikut kecenderungan fokus perbincangan artikel pada abstrak. Berdasarkan fokus artikel yang diketahui melalui abstrak, artikel yang dijumpai dikumpulkan menggunakan tiga kata kunci dalam bahasa melayu, iaitu filantropi, gelagat muslim dan gelagat filantropi yang merangkumi faktor luaran dan dalaman. Setiap kumpulan artikel kemudian akan dianalisis menggunakan analisis deskriptif.

Beberapa kajian didapati mempunyai persamaan dari sudut sifat dan tumpuan kajian mengenai filantropi. Artikel ulasan akan dibuat berdasarkan penilaian terperinci dalam kata kunci mengenai filantropi, gelagat muslim dan gelagat filantropi. Hasil kajian ini cuba memberikan maklumat mengenai faktor luaran dan dalaman dalam gelagat filantropi muslim sehingga ia dapat bermanfaat untuk pengembangan filantropi Islam dalam dunia pendidikan, penyelidikan, dan institusi yang memfokuskan pada isu filantropi untuk mencari jalan keluar untuk masalah ini.

## **FILANTROPI KALANGAN UMAT ISLAM**

Sifat kedermawanan kalangan umat Islam merupakan satu yang tidak asing dalam sejarah ketamadunan Islam. Ini dapat ditelusuri melalui catatan sejarah Nabi dan para sahabat Baginda SAW yang bertungkus memartabatkan syiar Islam melalui amalan ini. Ianya diteruskan oleh penganut Islam yang memahami akan tuntutan filantropi tersebut selepas era Nabi SAW dan para sahabat. Amalan ini terus hidup dalam sejarah ketamadunan umat manusia hingga kini dan ia sudah pasti mempunyai daya penggerak yang mempengaruhi umat Islam khususnya untuk melaksanakan amalan ini. Terdapat beberapa faktor luaran yang mempengaruhi umat Islam melakukan amalan filantropi antaranya ialah pendapatan, pendidikan, tempat, jenis pekerjaan dan promosi.

Menurut Lusiana Ulfa & Muhammad Zilal (2017), faktor pendapatan adalah signifikan mempengaruhi masyarakat untuk mengamalkan filantropi. Hal ini kerana antara faktor peribadi seperti tahap kehidupan kerja, tahap ekonomi, dan gaya hidup sangat mempengaruhi sikap kedermawanan di Jakarta, Indonesia. Selain itu, Nor Aishah Ismail, 2015, Amanta MV, Rindayati W, Arsyianti LD (2014), Nor Aishah, I., Azila, A.R., & Fidlizan, M., (2015), Kitchen & Dalton (1990), Iannaccone, (1997) dan Finke, et al. (2006) menyatakan amalan filantropi turut dipengaruhi dengan peruntukan isi rumah setiap individu yang ingin mempunyai sifat kedermawanan. Menurut kajian mendapati isi rumah yang berpendapatan tinggi lebih cenderung untuk menyumbang lebih banyak wang kepada badan amal secara mutlak jika dibandingkan dengan isi rumah yang mempunyai pendapatan rendah. Hal ini membuktikan bahawa individu atau keluarga yang mempunyai pendapatan yang tinggi lebih banyak melakukan amalan filantropi. Begitu juga dengan kajian Gittel & Tebaldi (2006) mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pemberian kebajikan di Amerika Syarikat, mendapati peningkatan dalam pendapatan negara berkapita, meningkatkan purata pemberian amal kebajikan pembayar cukai.

Menurut Syed Muhammad et al. (2017), cabaran kewangan sememangnya memberi kesan negatif kepada kehidupan masyarakat Islam menyebabkan majoritinya tidak mampu untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi dalam kehidupan harian. Amalan filantropi seperti wakaf tunai adalah antara mekanisma yang dapat mengurangkan kemiskinan selain sedekah dan dana awam. Walaubagaimanapun, kajian mendapati antara faktor yang menjadi penghalang kepada usaha ini adalah kurang kesedaran, kedekut dan bersifat mementingkan diri, pengaruh politik dalam pengurusan, kepincangan pelaksanaan serta ketidaksediaan negara Islam dalam melaksanakannya (Yusuff & Nor Azizan, 2013). Pengurusan kewangan merupakan antara cabaran paling besar dalam amalan filantropi dan menjadi aspek penting untuk dikaji kerana sumber kewangan atau dana merupakan tulang belakang atau teras dalam memastikan kejayaan filantropi tersebut (Ahmad Zaki et al., 2008). Namun begitu, dengan keadaan kewangan masyarakat yang sempit dan tidak stabil mengekang mereka untuk mengeluarkan wang bagi menyumbang kepada orang lain kerana lebih memikirkan untuk keperluan sara diri mereka dan keluarga terlebih dahulu.

Menurut Amanta MV, Rindayati W, Arsyianti LD (2014) dan Nor Aishah, I., Azila, A.R., & Fidlizan, M., (2015) faktor pendidikan mempengaruhi amalan filantropi yang dilakukan. Mereka berpendapat, masyarakat telah menjadikan pendidikan sebagai teras utama, sehingga dapat memaju dan mengembangkan keadaan tempat tinggal asal mereka. Sekiranya tempat tinggal mereka lebih maju, pendapatan bulanan masyarakat akan meningkat dan akan meningkatkan peruntukan masyarakat untuk melakukan amalan kedermawanan. Ia juga turut diakui oleh Eisenberg & Miller, (1987) yang menyatakan individu yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi lebih cenderung melakukan amalan filantropi. Hal ini kerana timbul rasa simpati individu tersebut ke atas orang yang kurang berkemampuan. Kajian Tiehen (2001) pula mendapati wujud hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan dengan pemberian derma. Golongan yang mempunyai pendidikan tinggi seperti ijazah sarjana memperoleh pendapatan tinggi dan seterusnya menyumbang lebih untuk kebajikan. Golongan ini juga terlibat dengan aktiviti sosial masyarakat dan lebih merasakan bahawa menyumbang itu adalah satu kewajipan bagi mereka.

Andy Riswan Ritonga (2012) menyatakan bahawa faktor yang mendorong masyarakat untuk melakukan amalan filantropi adalah tempat atau institusi yang menguruskan harta. Hal ini kerana

masyarakat lebih suka memberi zakat, infaq dan sedekah kepada institusi yang berautoriti, kerana statusnya sebagai institusi rasmi yang dimiliki oleh kerajaan. Untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dalam amalan filantropi ini adalah dengan cara meningkatkan kualiti persembahan, perkhidmatan serta menganjurkan program-program yang dapat membina imej institusi tersebut supaya lebih baik di masa hadapan. Oleh itu terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor tempat atau institusi yang menguruskan harta dengan amalan filantropi dalam kalangan masyarakat Islam.

Nor Aishah, I., Azila, A.R., & Fidlizan, M. (2015) dan Lusiana Ulfa & Muhammad Zilal (2017) menyatakan bahawa faktor jenis pekerjaan adalah signifikan mempengaruhi masyarakat mengamalkan filantropi. Memandangkan masyarakat yang mempunyai jenis pekerjaan yang berbeza samada bekerja sendiri atau makan gaji, dan setelah bekerja sendiri atau makan gaji serta pendapatan yang semakin tinggi menunjukkan semakin tinggi kesedaran melakukan amalan filantropi. Oleh itu terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor jenis pekerjaan dengan amalan filantropi dalam kalangan masyarakat Islam.

Menurut Tjiptono (2008) promosi merupakan satu bentuk komunikasi pemasaran iaitu merujuk kepada aktiviti pemasaran yang berusaha menyebarkan informasi, mempengaruhi dan menyebabkan promosi dilakukan dapat diterima di persada pemasaran. Elemen promosi amalan filantropi yang berkesan juga penting dan perlu dilakukan bagi mendapatkan hasil yang positif. Hal ini kerana tingkah laku ke arah penglibatan masyarakat dalam aktiviti filantropi dapat dizahirkan apabila sesuatu perancangan yang dilakukan berjaya disampaikan kepada golongan tertentu melalui medium yang betul (Syed Muhammad et al., 2017). Hal ini dibuktikan berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Finlay & Faulkner (2005) dan Scott et al. (1995) yang menyatakan bahawa sesuatu pengetahuan oleh individu dapat ditingkatkan sekiranya promosi yang jelas dan efektif disalurkan kepada segenap masyarakat. Menurut Hanifah Mahat et al. (2014), promosi yang cekap dapat membantu perkembangan pengetahuan yang menjurus kepada tingkah laku yang sepatutnya. Namun begitu, masyarakat yang mempunyai pengetahuan juga berkemungkinan tidak terlibat dengan aktiviti filantropi tersebut sekiranya promosi yang dilaksanakan kurang berkesan. Hal ini terjadi kerana mereka tidak mengetahui medium sebenar untuk melibatkan diri dengan amalan filantropi tersebut. Oleh itu terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor promosi dengan amalan filantropi dalam kalangan masyarakat Islam.

Selain daripada faktor luaran, faktor dalaman juga dikenalpasti sebagai punca masyarakat Islam melakukan amalan filantropi antaranya kepekaan sosial (altruisme), kepercayaan agama, kepuasan kebajikan, kefahaman dan pengetahuan ilmu agama serta ihsan. Amanta MV, Rindayati W, Arsyanti LD (2014) dan Opoku (2013) menyatakan bahawa faktor yang mempengaruhi amalan filantropi dalam kalangan masyarakat adalah altruisme (kepekaan sosial) kerana memiliki pengaruh positif yang besar kepada umat Islam. Menurut kamus dewan altruisme merupakan sifat atau prinsip suka mengutamakan kebajikan atau kebahagiaan orang lain daripada diri sendiri.

Seterusnya faktor yang banyak menyumbang kepada amalan filantropi ialah faktor kepercayaan kepada agama. Menurut Opoku (2013) dan Nor Aishah, I., Azila, A.R., & Fidlizan, M. (2015), semakin kuat kepercayaan individu kepada agama semakin bertambah amalan kebajikan yang dilakukan khususnya dalam amalan berwakaf. Monzer (1980) menjelaskan bahawa kepercayaan kepada agama dengan berpaksikan keimanan dan ketakwaan mempengaruhi individu Islam bersederhana dalam memenuhi keperluan hidupnya dan lebih menitikberatkan kepada *infak fisabilillah* dengan mengorbankan sebahagian harta ke jalan Allah SWT. Mereka mempercayai bahawa akhirat adalah faktor setiap tingkah laku sewaktu hidup di dunia. Individu Islam membantu orang lain atas dasar kemanusiaan dan ia merupakan salah satu cara untuk menjadi manusia yang beriman. Oleh itu, keagamaan merupakan motivasi penting dalam jiwa individu yang hendak melakukan kebajikan seperti sedekah, infak, wakaf dan zakat. Setiap agama telah mengajar penganutnya melakukan amal kebajikan (Nor Aishah, I., Azila, A.R., & Fidlizan, M., 2015). Pendapat ini juga dipersetujui oleh Reitsma et. al (2006) yang mendapati bahawa salah satu faktor yang mempengaruhi individu untuk menderma kepada negara miskin adalah faktor keagamaan. Dapatan kajian mereka juga disokong oleh Jackson et al.

(1995), Gittel & Tebaldi (2006) yang menjelaskan bahawa faktor keagamaan adalah petunjuk penting dalam mendorong sifat kedermawanan kepada badan-badan amal. Selain itu, Greene, Pamela & Robert (2001) menyatakan bahawa faktor keagamaan akan meningkatkan motivasi kedermawanan dalam kalangan masyarakat yang berpendapatan rendah.

Ini turut disokong oleh Ahmad Ridwan et. al (2018) yang juga menyatakan faktor yang menyumbang terhadap amalan filantropi adalah pengetahuan ilmu agama. Ilmu Pengetahuan agama merujuk kepada pengetahuan tentang Islam secara umum, pengetahuan terhadap isi kandungan al-Quran dan pengetahuan terhadap sirah dan sunnah Rasulullah SAW (El-menouar, 2014). Konsep ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:

Maksud: *“Barangsiapa dikehendaki baginya kebaikan oleh Allah, Maka Dia akan memberikan pemahaman agama kepadanya.”*

(Hadith Riwayat Bukhari: 71 dan Muslim: 1037)

Menurut Ahmad Ridwan et. al (2018) sifat kedermawanan yang rendah memberi gambaran bahawa penghayatan amal ibadah berada pada tahap yang kurang memuaskan. Penghayatan amalan filantropi sangat penting diterapkan dalam kalangan generasi muda kerana ia dapat mendidik sikap kesyukuran kepada Allah SWT serta kesederhanaan dan belas kasihan sesama manusia (Benaouda Bensaid et.al, 2013). Fokus kepada generasi muda juga penting bagi memberi galakan sifat kedermawanan sepanjang hayat mampu selari diterjemahkan kepada amalan kedermawanan pada usia dewasa (Hart, Donnelly, Youniss, & Atkins, 2007) (Metz, McLellan, & Youniss, 2003).

Antara lain, menurut Ahmad Ridwan et. al (2018), faktor yang menyumbang terhadap amalan filantropi juga adalah sifat ihsan. Ihsan disebut sebagai hubungan emosi dengan agama dan pencipta telah ditakrifkan oleh Glock (1962) sebagai hubungan rapat yang terbina kerana pengalaman di dalam agama. Ia juga didefinisikan sebagai hubungan yang rapat dengan Allah sehingga seakan dapat berkomunikasi denganNya (Waardenburg, 2002). Ini bertepatan dengan hadith sahih seperti diriwayatkan oleh Muslim, sebagaimana sahabat melihat Jibril yang berupa menjadi seorang lelaki bertanya tentang Islam, iman, ihsan, kiamat dan tandanya menurut riwayat Muslim, no. 8 di dalam Syarah An-Nawawi merekodkan hubungan ini sebagai salah satu dimensi (perihal berkaitan) agama Islam yang disebut Ihsan. Ia merupakan akhlak baik dan amal ibadah yang di dasari dengan mempersaksikan Allah SWT berada dekat (Al-Nawawi, 2000).

Menurut Nor Aishah, I., Azila, A.R., & Fidlizan, M. (2015) dan Opoku (2013) faktor yang banyak menyumbang kepada amalan filantropi ialah faktor kepuasan kebajikan. Kepuasan kebajikan dapat dirasai apabila individu melakukan amalan kedermawanan. Dengan ini membuktikan bahawa kebajikan menderma, zakat dan wakaf sedekah akan memperoleh kepuasan kebajikan. Semakin bertambah kepuasan kebajikan semakin bertambah keinginan masyarakat untuk melakukan amalan filantropi.

Syed Muhammad et al. (2017) menjelaskan bahawa salah faham tentang konsep dan pelaksanaan filantropi merupakan penghalang kepada berkembangnya amalan ini di Malaysia. Antara bentuk salah faham tersebut adalah kefahaman tentang larangan untuk menderma atau menginfakkan harta melebihi sepertiga daripada keseluruhan aset semasa hidup pewakaf/penderma (Tunku Alina Alias, 2011). Ini disokong oleh Muhammad Akram (2008) yang menyatakan bahawa tahap kefahaman masyarakat Islam di Malaysia tentang konsep wakaf agak terkebelakang di mana mereka hanya memahami wakaf dalam konteks pembinaan masjid, surau dan tanah perkuburan sahaja berbanding fungsi dan peranan wakaf yang amat luas. Ini sekaligus menyebabkan bilangan harta wakaf tidak menunjukkan peningkatan yang tinggi walaupun populasi Muslim pada hari ini semakin meningkat.

Tambahan pula, kebanyakan orang di Malaysia percaya amalan filantropi hanyalah untuk masyarakat Islam sahaja, walhal ia juga boleh disumbangkan oleh orang bukan Islam. Maklumat ini

tidak disampaikan kepada masyarakat kerana kurangnya kesedaran tentang filantropi itu sendiri (Noor Aimi et al. 2014). Nor Aishah Ismail (2015) juga menyatakan masyarakat hari ini masih belum memahami dan mengetahui konsep serta peranan filantropi secara mendalam dan dinamik, sebaliknya mereka hanya memandangnya sebagai bekalan selepas seseorang itu meninggal dunia dan tidak melihat ia sebagai suatu amalan yang relevan untuk kemudahan dan keperluan pada hari ini.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan penelitian penulis, terdapat tiga aspek penting yang mempengaruhi masyarakat Islam untuk melakukan amalan filantropi iaitu aspek dorongan, halangan dan galakan. Aspek pendorong adalah fokus kebanyakan artikel kerana fokus artikel yang paling banyak dibincangkan mengenai filantropi adalah pada dorongan amalan umat Islam melakukan filantropi. Dorongan filantropi merangkumi faktor luaran dan dalaman. Ini dapat ditunjukkan dalam jadual 1 dibawah.

**Jadual 1. Faktor-faktor amalan filantropi berdasarkan dapatan kajian oleh sarjana**

Bil	Aspek	Faktor Dalaman	Faktor Luaran
1.	Pendorong amalan umat Islam melakukan filantropi	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Altruisme (kepekaan sosial)</li><li>2. Kepercayaan kepada agama</li><li>3. Penghayatan amal ibadah</li><li>4. Pengetahuan ilmu agama</li><li>5. Kepuasan kebajikan</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pendapatan</li><li>2. Pendidikan</li><li>3. Tempat atau institusi yang menguruskan sumbangan/harta masyarakat</li><li>4. Jenis pekerjaan (bekerja sendiri dan berpendapatan tetap)</li></ol>
2.	Penghalang umat Islam melakukan filantropi	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Kurang kesedaran</li><li>2. Sifat kedekut</li><li>3. Sifat mementingkan diri sendiri</li><li>4. Salah faham terhadap konsep filantropi</li><li>5. Salah faham terhadap pelaksanaan</li><li>6. Salah faham terhadap ruang lingkup (skop)</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Campur tangan politik</li><li>2. Tadbir urus yang tidak sistematik</li></ol>
3.	Galakan melakukan filantropi	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Memberi penekanan kepada generasi muda untuk menggalakkan amalan filantropi</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Promosi</li></ol>

Berdasarkan jadual 1 di atas, penulis berpandangan terdapat beberapa faktor dominan yang mendorong untuk masyarakat Islam melakukan amalan filantropi berdasarkan faktor luaran dan dalaman. Ini kerana menurut Abdul Ghafar Ismail (2014) tidak semua manusia dapat memenuhi keperluan mereka tanpa bantuan orang lain dan filantropi sebagai amalan untuk menolong orang lain telah diamalkan sejak zaman Nabi sebagai kaedah untuk mewujudkan keadilan sosial dan menghilangkan penindasan ekonomi. Tingkah laku kedermawanan sentiasa berlegar dalam kalangan masyarakat, samada dari negara termiskin hingga negara maju (Roelofs, 2007).

Bagi melihat potensi pengumpulan dana filantropi Islam menjadi optimum, institusi yang berkaitan dengan filantropi seperti pusat zakat negeri mesti mengetahui ciri-ciri penderma. Perwatakan penderma berkaitan rapat dengan demografi, sosio-ekonomi, psikografi, dan motivasi penderma dan bakal penderma (Kasri, 2013). Oleh itu, majlis agama Islam atau institusi yang menguruskan aspek kedermawanan perlu memberi penekanan dan menganalisis terhadap faktor yang dominan ini untuk mencari strategi berkesan melalui promosi dan memberi penekanan kepada generasi muda untuk menggalakkan amalan filantropi di Malaysia. Ini bertujuan agar pengumpulan dan pengagihan dana filantropi Islam dapat dilakukan secara optimum dan memberi kepuasan kepada para penderma.

Kaedah kecekapan dan keberkesanan pengurusan zakat juga sangat diperlukan dengan tiada unsur campur tangan politik dan tadbir urus yang tidak sistematik agar zakat dapat optimum dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat. Ini selaras dengan pernyataan Hasan (2014) bahawa pembiayaan mikro Islam di Pulau Andaman, Thailand terbukti dapat membantu meningkatkan ekonomi masyarakat dan membantu menguruskan sumber-sumber tempatan yang ada apabila diurus dengan berkesan dan cekap. Pembiayaan mikro juga dapat digunakan untuk mengurangi kemiskinan di Yogyakarta, Indonesia. Adnan dan Ajija (2015) juga menyatakan bahawa keberadaan BMT (Baitul Maal Wa Tamwil) di Yogyakarta terbukti dapat mengurangkan kemiskinan anggota BMT. Sebaliknya, dengan pengurangan kemiskinan anggota BMT, perolehan dan keuntungan BMT juga meningkat. Selain aktiviti pungutan zakat, pengagihan zakat juga mesti mendapat perhatian serius untuk memperkasakan masyarakat. Kegiatan pemerksaan masyarakat dalam bidang keusahawanan sangat sesuai dalam memperkasakan mustahik (orang-orang yang berhak menerima zakat) di Selangor. Ini kerana keusahawanan merangkumi seni dan pemikiran. Seni merancang perniagaan dengan pengetahuan yang anda ada untuk mengurangkan kegagalan dalam perniagaan. Pemikiran keusahawanan kreatif dan inovatif dengan sumber yang ada. Dengan gaya perniagaan dan corak pemikiran ini, diharapkan seorang mustahik akan berubah menjadi muzakki (Yusuf & Derus, 2013).

## KESIMPULAN

Isu filantropi Islam telah banyak dibincangkan oleh pakar dan ahli akademik. Fokus perbincangan mengenai filantropi kebanyakannya adalah mengenai pengurusan zakat, sedekah dan wakaf yang merangkumi pengumpulan, pengurusan dan pengagihannya. Filantropi Islam dapat digunakan sebagai penyelesaian untuk meningkatkan kesejahteraan orang miskin dan mengurangkan jurang ketidaksamaan sosial. Kepentingan meningkatkan pengetahuan komprehensif mengenai faktor luaran dan dalaman gelagat filantropi bagi umat Islam supaya mereka dapat meningkatkan kesedaran yang menyebabkan masyarakat Islam melakukan amalan filantropi.

Justeru, terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor luaran dan dalaman bagi menghubungkan gelagat filantropi dalam kalangan masyarakat Islam. Kedua-dua faktor ini sebenarnya saling melengkapi antara satu sama lain serta harus bergerak seiring dalam usaha untuk mengajak serta mempengaruhi masyarakat untuk mengamalkan filantropi secara langsung. Ahli-ahli academia turut boleh memainkan peranan dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk mengamalkan budaya filantropi melalui kajian-kajian yang mereka lakukan. Masyarakat juga perlulah mendapat kefahaman sebenar mengenai konsep dan kepentingan filantropi, serta mengetahui medium sebenar untuk melibatkan diri, ditambah dengan mempunyai semangat dan azam yang tinggi bagi menggerakkan umat Islam melakukan amalan yang mulia ini.

## RUJUKAN

- Adnan, M.A. & Ajija, S.R. (2015). The effectiveness of baitul maal wat tamwil in reducing poverty: The case of Indonesian Islamic microfinance institution. *Humanomics*, 31(2), 160-182.
- Ahmad Zaki Abd. Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Ismail, Kamarulzaman Sulaiman & Norzaidi Mohd Daud. (2008). *Wakaf Pengurusan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (Upena), Uitm.
- Al-Nawawi, al-Muhyiddin Abi Zakariya Yahya Ibn Sharaf (2000). *Hadith Empat Puluh*. (Mustafa Abdul Rahman). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Amanta MV, Rindayati W, Arsyianti LD (2014), *Analisis Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Alokasi Infak Rumah Tangga: Studi Kasus di Desa Pasir Eurih, Kecamatan Tamansari, Kabupaten Bogor*, *Journal of Islamic Economics and Finance (Al-Muzara'ah)*, Vol. 2 No. 1.



- 
- Andy Riswan Ritonga (2012), *Analisis Faktor–Faktor Pendorong Masyarakat Membayar Zakat, Infaq, Dan Sedekah (ZIS) Melalui Bazda Sumatera Utara*, Tesis Program Studi Ekonomi Pembangunan, Jabatan Perkembangan Ekonomi, Fakultas Ekonomi, Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia.
- Benaouda Bensaid, Fadila Grine, Mohd Roslan Mohd Nor and Mohd Yakub Zulkifli MohdYusoff (2013). Ethico-Spiritual Dimensions of Charity: An Islamic Perspective, *Middle-East Journal of Scientific Research* 13 (2): 171-182, 2013
- El-menouar, Y. (2014). The Five Dimensions of Muslim Religiosity. Results of an Empirical Study. *Methods, Data, Analyses* |, 8(1), 53–78. <https://doi.org/10.12758/mda.2014.003>
- Finlay, S.J. & Faulkner, G. (2005). Physical Activity Promotion Through The Mass Media: Inception, Production, Transmission And Consumption, *Preventive Medicine* 40: 121-130.
- Gittel, R. & Tebaldi E. (2006), “Charitable Giving: Factors Influencing Giving in US State”, *Nonprofits and Voluntary Sector Quarterly* 35 (4): 721-736.
- Glock, C. Y. (1962). on the Study of Religious Commitment. *Religious Education*, 57(sup4), 98–110. <https://doi.org/10.1080/003440862057S407>
- Greene, Pamela, & Robert M. (2001), “Taxes and charitable giving”, *National Tax Journal* 54(3): 433-453.
- Hanifah Mahat, Shaharuddin Ahmad, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah & Noraziah Ali. (2014). Pendidikan Pembangunan Lestari - Hubungan Kesedaran antara Ibu Bapa dengan Pelajar. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (5). pp. 71-84.
- Hart, D., Donnelly, T. M., Youniss, J., & Atkins, R. (2007). High School Community Service as a Predictor of Adult Voting and Volunteering. *American Educational Research Journal*, 44(1), 197–219. <https://doi.org/10.3102/0002831206298173>
- Hasan, Z. (2014). In search of the perceptions of the Shari'ah scholars on Shari'ah governance system. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 7(1), 22-36.
- Ismail, Abdul Ghafar, 2014. "Between Free Market and State Capitalism: How Islamic Economics System Shape the Future Global Economy?", Working Papers 1435-8, The Islamic Research and Teaching Institute (IRTI).
- Jackson, E. F., Mark D. B., James R. W, & Elizabeth A. C (1995), “Volunteering and Charitable Giving: Do Religious and Associational Ties Promote Helping Behaviour?”, *Nonprofits and Voluntary Sector Quarterly* 24(1): 59-78.
- Kasri, R.A. (2013). Giving behaviors in Indonesia: Motives and marketing implications for Islamic charities. *Journal of Islamic Marketing*, 4(3), 306-324.
- Kitchen, H. & Dalton R. (1990), “Determinants of Charitable Donation by Families in Canada: A Regional Analysis”, *Applied Economics* 22(3): 285-299.
- Knowles, Simon, Hyde, Melissa, & White, Katherine (2012). *Predictors of young people's charitable intentions to donate money: An extended theory of planned behavior perspective*. *Journal of Applied Social Psychology*, 42(9), pp. 2096-2110.
- Ling, H. E. (2012). *A Study of the Relationship Between Indicators and Public Donation Intention in Penang: a Perspective of Planned Behavior Theory With Inclusion of Some Cognitive Factors*, Research report in partial fulfillment of the requirements for the Degree of Master of Business Administration (May), 1–37.
- Mas'udi MF, Djamil F, Hafidhuddin D, dan Mulia SM. 2004. *Reinterpretasi Pendayagunaan ZIS menuju Efektivitas Pemanfaatan Zakat Infak Sedekah*. Jakarta (ID): Piramedia.
-

- 
- Metz, E., McLellan, J., & Youniss, J. (2003). Types of voluntary service and adolescents' civic development. *Journal of Adolescent Research*, 18(2), 188–203. <https://doi.org/10.1177/0743558402250350>
- Monzer, K. (1980), "A Contribution to the Theory of Consumer Behaviour in an Islamic Society", Studies in Islamic Economics, Khurshid Ahmad (ed), Universiti Raja Abdul Aziz Jeddah and The Islamic Foundation: United Kingdom.
- Muhammad Akram Laldin. (2008). *Fundamentals and practices in Islamic Finance*. Kuala Lumpur: ISRA
- Noor Aimi Mohd Puad, Nurauliani Jamlus Rafdi & Wan Shahdila Shah Shahr. (2014). Issues and Challenges of Waqf Instrument: A Case Study in MAIS. *E-proceedings of The Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014)*.
- Nor Aishah Ismail, Azila Abdul Razak, Fidlizan Muhammad (2015), *Amalan Wakaf Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Kota Bharu Kelantan*, Labuan e-Journal of Muamalat and Society, Vol. 9, 2015, pp. 14-25
- Nor Aishah Ismail. (2015). *Faktor Yang Mempengaruhi Amalan Berwakaf Dalam Kalangan Masyarakat Islam*. Masters thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Opoku, R. A. (2013). *Examining The Motivational Factors Behind Charitable Giving Among Young People In A Prominent Islamic Country*. *International Journal of Nonprofit & Voluntary Sector Marketing*, 18(3), 216–230. <https://doi.org/10.1002/nvsm>
- Reitsma, J., Peer, S & Manfred, T. G. (2006), "Dimensions of Individual Religiosity and Charity: Cross-National Effect Differences in European Countries?", *Review of Religious Research* 47(4): 347-362.
- Roelofs, J. (2007). Foundations and collaboration. *Critical Sociology*, 33(3), 479-504.
- Scott A. Neslin, Stephen G. Powell & Linda Schneider Stone. (1995). The Effects Of Retailer And Consumer Response On Optimal Manufacturer Advertising And Trade Promotion Strategies. *Management Science* 41 (5): 749-766.
- Tiehen, L. (2001), "Tax Policy and Charitable Contributions of Money", *National Tax Journal* 54(4): 707-823.
- Tjiptono, F. (2008). *Strategi Pemasaran*. Andi Offset. Yogyakarta.
- Tunku Alina Alias. (2011). *Tax Laws Affecting Waqf in Malaysia: A Comparison with the United States and Turkey*. 6th UUM International Legal Conference, Pulau Pinang.
- Utami, A.F. & Ismail, M. (2014). Implementasi pengelolaan wakaf tunai (studi pada Baitul Maal Hidayatullah & Yayasan Dana Sosial Al-Falah). *Jurnal Ilmiah Mahasiswa FEB*, 3(1).
- Waardenburg, J. (2002). *Islam Historical, Social, and Political Perspectives* (40th ed.). Berlin: de Gruyter.
- Wahid, H., Ahmad, S., & Kader, R. A. (2009). *Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati?*. *International Journal of Mechanical and Materials Engineering*.
- Yusuf, M.B.O. & Derus, A.M. (2013). Measurement model of corporate zakat collection in Malaysia: A test of diffusion of innovation theory. *Humanomics*, 28(1), 61-74.
- Yusuff Jelili Amuda & Nor Azizan Che Embi. (2013). Alleviation Of Poverty Among OIC Countries Through Sadaqat, Cash Waqf And Public Funding. *International Journal Of Trade, Economics And Finance*. 4(6): 403- 408.
-